

ISU GELANDANGAN DI MALAYSIA: CABARAN DAN SYOR PENAMBAHBAIKAN

Tackling Homelessness in Malaysia: Challenges and Recommendations

Yeoh Wei Ting (wtyeoh6699@gmail.com)
Perdana Fellow
Ministry of Women, Family and Community Development

Abstract

Homelessness is a pervasive issue that intertwines with many critical sectors of a country, spanning healthcare, economy, social welfare, education to housing, to name a few. Undeniably, this intricate social phenomenon thwarts straightforward definitions and simple solutions as it is increasingly associated with women who struggle with domestic violence, illiterate runaway adolescents who succumb to substance abuse, the unemployed, and those who are suffering from chronic physical and mental illnesses. Nevertheless, this social phenomenon has received scant study in Malaysia. Therefore, the author seeks to examine some of the shortcomings of the current homelessness policies and legislation in Malaysia and propose recommendations that target the broader social context within which homelessness occurs in Malaysia. These recommendations consider, amongst others, the potential of technology and participation-based accommodation schemes, the role of local actors and community-assisted initiatives, the need for legislative reforms and alternative social assistance incentives, as well as the establishment of an inter-agency council and a single unified homelessness database.

Keywords: Homelessness, technology, participation-based accommodation scheme, community-assisted initiative, legislative reform, alternative social assistance incentive, inter-agency council, single unified homelessness database

Pendahuluan

Terminologi “gelandangan” lazim diberi pelbagai takrifan, bergantung pada situasi sesebuah negara serta latar belakang dan permasalahan golongan gelandangan. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, gelandangan membawa maksud “orang yang pekerjaannya atau tempat tinggalnya tidak tetap”. Secara umumnya, gelandangan merupakan golongan yang hidup dalam keadaan yang tidak sesuai dengan norma kehidupan masyarakat setempat, serta tidak mempunyai tempat tinggal atau pekerjaan yang tetap dan hidup berpeleseran di tempat umum (Zefianningsih et al., 2016). Khususnya, golongan gelandangan boleh dikategorikan kepada empat jenis (Jaggi, 2019), yakni:-

- i. **Gelandangan kronik:** individu gelandangan yang kehilangan tempat tinggal untuk tempoh yang panjang atau mempunyai sekurang-kurangnya beberapa episod bergelandangan. Golongan ini merupakan jenis gelandangan yang paling umum dan kebanyakannya terdiri daripada warga emas dan orang sakit.
- ii. **Gelandangan transisional:** individu gelandangan yang lazimnya tinggal di pusat perlindungan sementara untuk tempoh singkat. Golongan ini biasanya terdiri daripada pencari kerja yang terdampar atau terkandas disebabkan bencana atau perubahan kehidupan yang tanpa diduga. Gelandangan transisional lebih cenderung kepada golongan yang lebih muda.
- iii. **Gelandangan episodik:** golongan ini mengalami sekurang-kurangnya lebih daripada satu episod kehilangan tempat tinggal dan sering keluar dan masuk semula sebagai golongan gelandangan. Mereka lebih cenderung kepada golongan yang lebih muda dan kebanyakannya mengalami masalah kesihatan fizikal dan/atau mental, penyalahgunaan dadah dan/atau pengganggu; dan
- iv. **Gelandangan tersembunyi:** golongan gelandangan tersembunyi ialah golongan gelandangan yang tidak pernah dilaporkan dan dimasukkan dalam statistik rasmi gelandangan serta belum mendapat sokongan dan bantuan sosial. Kebanyakan golongan ini bergantung hidup pada rakan, saudara-mara dan/atau masyarakat sekitar kerana mereka tidak mempunyai tempat tinggal atau mata pencarian yang tetap.

Statistik rasmi Malaysia menunjukkan bahawa jumlah gelandangan telah meningkat secara ketara berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Antara tahun 2000 dan 2009, purata gelandangan di seluruh Malaysia yang ditahan oleh pegawai kesejahteraan sosial setiap tahun adalah seramai 1,300 orang

(Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020). Namun, jumlah kes orang papa yang diselamatkan semasa operasi bagi tahun 2015–2019 adalah seramai 14,863 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020). Daripada jumlah kes tersebut, 11,807 merupakan kes warganegara Malaysia dan 3,056 merupakan kes warganegara asing (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020). Untuk kes warganegara Malaysia, 6,339 dilepaskan; 2,073 dikembalikan kepada keluarga; 146 merupakan kes penyakit berjangkit dan terlantar yang dirujuk kepada hospital; 310 merupakan kes mental; 583 dirujuk kepada polis; 357 diserahkan kepada pelindung kanak-kanak manakala 1,999 dirujuk ke penempatan sementara di bawah seksyen 3(2) Akta Orang-orang Papa 1977 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020). 2,595 kes warganegara asing pula dirujuk kepada Jabatan Imigresen Malaysia dan 461 kes dirujuk kepada polis (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020).

Di Malaysia, usaha menangani isu yang berkaitan dengan gelandangan diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama pelbagai kementerian, agensi serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Antara usaha yang telah diambil untuk mengatasi isu ini termasuk operasi menyelamatkan orang papa yang terdiri daripada operasi serta-merta, operasi berjadual/berkala, operasi bersepadu, pembinaan Pusat Anjung Singgah yang ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN), penubuhan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL) oleh Kementerian Wilayah Persekutuan serta Program Rumah Bimbingan Gelandangan (Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-14, 27 Mac 2019). Dari segi perundangan, akta teras bagi gelandangan ialah Akta Orang-orang Papa 1977 (Akta 183).

Asas-asas Pertimbangan dan Syor

Pewujudan Sistem Pangkalan Data Tunggal Gelandangan

Usaha membendung isu gelandangan membabitkan pelbagai pihak. Tanpa satu platform yang mengintegrasikan maklumat gelandangan yang dikumpul oleh pelbagai pihak, pengurusan data tidak dapat dijalankan dengan cekap dan efisien. Hal ini kerana berkemungkinan tinggi berlakunya pertindihan data yang dikumpul. Pertindihan usaha ini membazirkan masa dan sumber. Cabaran ini menuntut penyelarasan data yang bersepadu dan menyeluruh. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya satu sistem pangkalan data tunggal gelandangan (*single or unified homeless database*) diwujudkan dan dibangunkan di Malaysia. Keunikan sistem ini adalah ia akan melibatkan usaha sama kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk berkongsi dan menyatukan data berkaitan program bantuan masing-masing serta maklumat kumpulan sasaran yang dikumpul. Sistem pangkalan data tunggal

gelandangan ini akan menjadi rujukan utama semua pihak semasa membuat pemetaan gelandangan (*homeless mapping*), perancangan bantuan khusus serta penilaian impak ke atas program bantuan. Hal ini akan memudahkan pelarasan maklumat dan mendorong kefahaman yang seragam antara pihak yang terlibat dan membolehkan pemetaan gelandangan dijalankan secara efisien. Untuk memastikan keberkesanan, satu jawatankuasa kerja harus ditubuhkan dengan satu kementerian atau jabatan dilantik sebagai peneraju untuk menyelaraskan maklumat antara kementerian, agensi dan pertubuhan.

Pemindaan Akta Orang-orang Papa 1977 (Akta 183) dan/atau Penggubalan Akta Baharu yang Lebih Inklusif

Peruntukan Akta Orang-orang Papa 1977 (Akta 183) tidak lagi sejajar dengan situasi semasa. Setakat ini, tiada perundangan di negara kita yang memperuntukkan satu definisi yang eksklusif untuk terminologi gelandangan. Selama ini, definisi yang terpakai adalah di bawah Akta Orang-orang Papa 1977 (Akta 183) yang mentakrifkan “orang papa” sebagai:

“seseorang yang didapati mengemis di sesuatu tempat awam dengan sebegitu cara hingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan kekusaran kepada orang yang lazim mengunjungi tempat itu ataupun hingga menimbulkan kacau ganggu; atau (b) seseorang peleser yang dijumpai di sesuatu tempat awam, sama ada atau tidak dia mengemis, yang tidak mempunyai mata pencarian pada zahirnya atau tempat tinggal atau yang tidak dapat menyatakan hal dirinya dengan memuaskan”.

Namun, gelandangan adalah berbeza dengan orang miskin atau orang papa. Strategi untuk mengatasi isu gelandangan akan terbatas sekiranya istilah ini membawa penafsiran yang terlalu sempit atau terlalu luas. Penafsiran orang papa di bawah peruntukan Akta Orang-orang Papa 1977 (Akta 183) juga tidak mengambil kira jenis gelandangan (misalnya, gelandangan paksa dan sukarela; gelandangan transisional dan episodik). Penafsiran semula diperlukan supaya peruntukan penalti serta kuasa penyeliaan dan penempatan dapat dimasukkan dalam akta selari dengan keadaan gelandangan. Selain tafsiran gelandangan, akta ini juga tidak mengandungi peruntukan mengenai kewajipan pihak berkuasa tempatan untuk mencegah atau mengurangkan isu gelandangan di bawah lingkungannya serta hak perlindungan golongan gelandangan khusus, misalnya gelandangan kanak-kanak.

Justeru, pemindaan Akta Orang-orang Papa 1977 (Akta 183) atau penggubalan peruntukan baharu untuk gelandangan diperlukan untuk mengisi kelompongan dalam perundangan. Peruntukan baharu harus dikaji bersama sekurang-kurangnya tiga akta di Malaysia, iaitu (i) Kanun Keseksaan (Akta 574) bagi isu perundangan berkenaan tindakan pengemis paksa, pemerdagangan orang dan jenayah terancang; (ii) Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611) bagi perundangan melindungi gelandangan muda yang dieksploitasi; dan (iii) Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 (Akta 670) bagi perundangan berkenaan kegiatan haram termasuk pengemis paksa dan gelandangan migran.

Gelandangan paksa (*forced homeless*) dan gelandangan “dengan sengaja” (*voluntary homeless*) harus diberi layanan yang berbeza dari segi bantuan dan perundangan. Bagi golongan gelandangan paksa, mereka boleh diberi hak penginapan sementara untuk tempoh yang munasabah manakala penalti patut dikenakan terhadap gelandangan “dengan sengaja” sekiranya mereka bertegas menjalani hidup sebagai gelandangan biarpun diberi nasihat dan pertolongan bagi mendapatkan pekerjaan. Sekiranya mereka mempunyai alasan yang kukuh, gelandangan “dengan sengaja” boleh diberi perlindungan daripada pendakwaan serta prosiding perundangan.

Perundangan baharu juga seharusnya mengambil kira kuasa dan peranan kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam isu gelandangan supaya tidak berlakunya pertindihan skop tugas. Turut dicadangkan supaya dimasukkan perundangan yang mewajibkan penglibatan seseorang gelandangan di rumah kebajikan dalam aktiviti rehabilitasi yang bersesuaian serta kuasa menghendaki gelandangan dipindah dari satu penempatan ke rumah kebajikan yang lain mengikut keadaan gelandangan.

Penggunaan dan Pengintegrasian Teknologi dalam Perancangan Jangka Pendek dan Panjang

Kajian daripada *Carnegie UK Trust* mendapati bahawa penggunaan kemudahan digital dan internet berpotensi mengurangkan peminggiran sosial yang berlaku dalam golongan gelandangan selain meningkatkan akses gelandangan kepada rangkaian sokongan sosial (Young, 2017). Dengan memanfaatkan kemudahan internet dan aplikasi digital, gelandangan dapat turut serta dan berkongsi pengalaman dan pendapat mereka dalam menambahbaikkan dasar dan sokongan sosial yang bertujuan membantu membebaskan mereka dari

kancah gelandangan. Aplikasi media sosial seperti *Twitter*, *Facebook*, *LinkedIn*, dan *Meetup* juga boleh menjadi alat penting dalam membantu memerangi prasangka dan salah tanggapan daripada masyarakat dan memberi peluang baru kepada gelandangan, baik dari segi pekerjaan ataupun memasukkan mereka semula dalam rangkaian sosial.

Antara inisiatif yang boleh dilaksanakan dalam revolusi ledakan maklumat ini adalah mewujudkan platform inovatif seperti aplikasi mudah alih yang membolehkan orang awam serta sektor kerajaan dan swasta menghubungkan golongan gelandangan dengan sokongan tempatan yang tersedia untuk mereka atau perkhidmatan yang dapat membantu mereka, seperti kursus pembangunan sendiri percuma, peluang pekerjaan, bantuan perumahan sementara dan sebagainya. Selain itu, fungsi aplikasi mudah alih yang boleh memudahkan penyampaian maklumat mengenai gelandangan kepada pihak berkuasa tempatan dan agensi yang bertanggungjawab harus dibangunkan dengan memanfaatkan pengekodan geografi (*geography coding*) dan pemetaan lokasi (*location mapping*).

StreetLink merupakan salah satu platform inovatif di United Kingdom yang melibatkan orang awam dalam menangani masalah gelandangan (Thomas, 2017). Data yang dikumpul daripada khalayak ramai diproses melalui pengekodan geografi dan disampaikan kepada pihak berkuasa tempatan atau pusat perkhidmatan berasaskan komuniti jangkauan (*outreach services*) untuk tindakan dan bantuan selanjutnya (Thomas, 2017). Contoh yang serupa termasuk aplikasi *ArrelsLocator* yang dibangunkan secara percuma oleh BaseTis, sebuah syarikat pembangunan perisian di Barcelona (Busquets et al., 2017). Aplikasi *Entourage* yang dibangunkan di Perancis oleh Jean-Marc Potdevin pula memudahkan pekerja sosial berhubung dan bertukar maklumat dengan pekerja sosial yang lain dan mempercepat proses menjejaki lokasi gelandangan yang ditemui (Young, 2017). Melalui aplikasi *Entourage*, individu juga boleh melancarkan inisiatif tempatan dan mendapatkan nasihat mengenai cara mendekati dan membantu gelandangan (Young, 2017). Golongan gelandangan juga boleh mengakses aplikasi *Entourage* untuk mendapatkan bantuan (Young, 2017).

Selanjutnya, teknologi baru seperti kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dan pembelajaran mesin (*machine learning*) harus dimanfaatkan dalam pengintegrasian teknologi untuk membendung isu gelandangan. Salah satu contoh yang diguna pakai di London, Kanada ialah model Kecerdasan Buatan Gelandangan Kronik (*Chronic Homelessness Artificial Intelligence/CHAI*) yang

dikatakan mempunyai kadar ketepatan setinggi 93% (Arsenault, 2020). Model ini boleh memberi ramalan mengenai sama ada seseorang akan kehilangan tempat tinggal atau menjadi gelandangan jalanan dalam tempoh enam bulan yang akan datang berpandukan data yang dikumpul seperti umur, jantina, keluarga, sejarah tempat tinggal dan sebagainya (Lamberink, 2020).

Di samping itu, kemudahan digital juga wajar diintegrasikan di pusat rujukan intervensi. Untuk bergerak selanjar dengan arus perubahan teknologi, latihan kemahiran penggunaan informasi dan komunikasi maklumat wajar diberi kepada gelandangan di bilik transit dan pusat rujukan intervensi. Inisiatif ini akan membolehkan gelandangan mengikuti perkembangan dan berita terkini, mencari peluang pekerjaan dalam talian, mengakses perkhidmatan atau bantuan bersesuaian, memperoleh kemahiran baharu, membina keyakinan dan membuka pelbagai peluang yang baharu.

Memperkasa dan Melibatkan Peranan Masyarakat Setempat

Pihak berkuasa tempatan, agensi dan masyarakat perlu diperkasakan mengenai isu gelandangan agar kesedaran dapat dipupuk dan pelbagai bantuan dapat disalurkan daripada pihak berkepentingan yang lebih luas termasuk organisasi dan individu. Pandangan dan suara masyarakat dan komuniti tempatan juga harus diambil kira dalam usaha menyelamatkan golongan gelandangan. Komitmen dan kemahuan masyarakat untuk menyumbang idea dan tenaga akan mempercepat usaha untuk mengembalikan gelandangan ke landasan yang betul. Sebagai contohnya, Rangkaian PEERS (*Partners Engaging and Empowering Rough Sleepers*) ditubuhkan pada Julai 2019 oleh kerajaan Singapura untuk memudahkan agensi, organisasi komuniti dan masyarakat setempat menyalurkan bantuan kepada golongan gelandangan (Ministry of Social and Family Development Singapore, n.d.). Antara usaha yang dilancarkan melalui rangkaian ini ialah *Safe Sound Sleeping Places (S3Ps)* (Ministry of Social and Family Development Singapore, n.d.). S3Ps merupakan inisiatif yang menggembeng usaha kelab komuniti dan pertubuhan agama untuk membolehkan premis kelab dan pertubuhan yang bersesuaian dijadikan sebagai tempat berehat sementara bagi golongan gelandangan (Ministry of Social and Family Development Singapore, n.d.).

Makmal Demonstrasi Gelandangan Belia "*Making the Shift*" (*Making the Shift Youth Homelessness Demonstration Lab*) merupakan projek kolaboratif di Kanada yang memanfaatkan usaha sama pelbagai rangkaian dan pusat penyelidikan serta pihak berkepentingan dari peringkat kebangsaan, wilayah,

tempatan serta komuniti orang asli untuk memerangi isu gelandangan belia. Berbeza dengan projek kolaboratif yang lain, makmal demonstrasi ini menguji keberkesanan strategi dengan penyelidikan dan penilaian pelbagai projek eksperimen yang dilancarkan dalam kalangan komuniti tempatan. Antara rangkaian aktiviti teras yang dilancarkan termasuk *Housing First for Youth* dan *Youth Reconnect* (Borato et al., 2020).

Lanjutan daripada itu, media massa patut memainkan peranan yang lebih aktif dalam penyebaran pemahaman mengenai isu gelandangan supaya pengasingan sosial yang berlaku pada golongan gelandangan dapat dikurangkan. Hal ini adalah penting untuk membantu pengintegrasian golongan gelandangan ke dalam rangkaian sosial masyarakat.

Mempelbagaikan Akses dan Bentuk Bantuan

Tinjauan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengenal pasti bahawa golongan gelandangan kebanyakannya terdiri daripada penagih dadah/arak, golongan fakir dan miskin, golongan tua, golongan kurang upaya, individu yang tiada/kehilangan pekerjaan, bekas banduan, individu yang ditinggalkan keluarga, golongan yang tidak berupaya menguruskan diri, golongan yang bermasalah mental/berkemurungan/berpenyakit melarat serta warga asing yang terdampar/tiada pekerjaan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2020). Jelasnya, isu gelandangan memerlukan strategi bantuan dan penempatan yang pelbagai.

Namun, banyak bantuan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) adalah berbentuk "one-off" atau sekali sahaja dan tidak membantu golongan gelandangan untuk keluar daripada kehidupan melarat di jalanan. Kebanyakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan dan swasta juga kekurangan sumber tenaga profesional. Selain bantuan langsung tunai, tumpuan juga harus diberikan kepada bantuan langsung bukan tunai yang khusus kepada kumpulan sasar. Sebagai contohnya, kebanyakan golongan gelandangan merupakan mangsa masalah kekeluargaan, seperti perceraian, keganasan rumah tangga dan sebagainya. Inisiatif berbentuk intervensi konflik keluarga dan kes terdampar wajar diambil. Hal ini kerana kebanyakan golongan gelandangan wanita menghadapi isu nafkah pasca perceraian yang menyebabkan mereka dan anak mereka kehilangan punca pendapatan dan tempat tinggal. Sehubungan dengan itu, penubuhan bahagian sokongan keluarga di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Adat sama ada secara badan berasingan atau bergabung untuk menguatkuasakan isu nafkah bagi wanita bercerai wajar dikaji. Bagi gelandangan warga asing, tumpuan harus diberikan kepada penguatkuasaan

imigresen. Pusat pemulihan dadah, seperti Casa Villa yang disediakan oleh Pertubuhan Komuniti Intervensi Dadah Malaysia (KOMITED Malaysia) harus diperbanyak supaya dapat membantu dan mendekati lebih ramai gelandangan yang terjebak dalam kancah dadah. Pendekatan yang dipraktikkan di Casa Villa adalah dengan menggunakan konsep kekeluargaan, sokongan rakan sebaya, terapi, keagamaan dan contoh tauladan dalam membimbing penagih dadah untuk menstruktur semula kehidupan mereka serta menerapkan pola pemikiran yang positif dan cara hidup yang sihat dalam golongan tersebut (Min, 2019). Di samping itu, kaedah dan konsep yang sama juga boleh diguna pakai di pusat intervensi dan rumah transit gelandangan.

Pembelajaran Sepanjang Peralihan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Diwujudkan atau Ditingkatkan untuk Mendayaupayakan Golongan Gelandangan

Menurut laporan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, golongan gelandangan di Malaysia dari segi sosiodemografi boleh dilihat kebanyakannya merupakan golongan lelaki (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2009-2018). Walakin begitu, kebelakangan ini telah berlakunya peningkatan untuk gelandangan wanita (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2009-2018). Laporan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menunjukkan bahawa kumpulan umur gelandangan di Malaysia yang paling tinggi adalah antara 30 hingga 39 tahun yang merupakan umur produktif (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2009-2018). Sungguhpun demikian, bilangan kes gelandangan yang berjaya berdikari selepas diselamatkan masih rendah. Jumlah kes pula meningkat saban tahun. Situasi ini amat membimbangkan dan sekiranya tidak diatasi akan mendatangkan impak negatif yang lebih genting.

Kebanyakan golongan gelandangan merupakan mereka yang tercicir dalam bidang pendidikan. Oleh itu, salah satu cara untuk membantu mereka adalah dengan menyediakan peluang pelajaran kepada mereka. Golongan ini tidak seharusnya diberi bantuan buat selama-lamanya atau sekadar hidup sebagai golongan subsidi. Mereka hendaklah dibimbing supaya dapat meningkatkan taraf kehidupan dan upaya sendiri. Kemahiran dan ilmu pengetahuan akan menjadi senjata yang amat berguna kepada soldadu gelandangan yang berniat melangkah ke medan berdikari. Sokongan dari segi bimbingan, kaunseling, kemudahan pembelajaran sepanjang peralihan serta latihan vokasional harus dipertingkat untuk membantu mengembalikan kefungsi sosial golongan gelandangan dan mempersiapkan mereka untuk hidup berdikari. Untuk mencapai tujuan ini, kerjasama strategik boleh diadakan

antara pihak kerajaan, sektor swasta dan majikan tempatan dalam penyediaan latihan teknikal dan vokasional gelandangan. Sebagai contohnya, selepas selesai tempoh latihan teknikal yang ditawarkan oleh sektor swasta, gelandangan yang memenuhi kriteria akan diambil sebagai pekerja syarikat tersebut. Lanjutan daripada itu, insentif seperti pengecualian cukai dan sebagainya boleh diberikan kepada syarikat dan perusahaan untuk mendorong mereka menggaji gelandangan, melatih penganggur dan golongan gelandangan untuk memenuhi keperluan khusus industri tempatan. Kerjasama strategik ini seumpama cencang dua segeragai kerana sekali merengkuh dayung, dua tiga pulau terlampaui.

Pengenalpastian dan Pemantauan Individu Berisiko Tinggi Yang Dikecualikan dari Sistem Bantuan Sosial dan Pasaran Buruh Formal

Memang tidak dapat dinafikan bahawa perubahan rangkaian sosial dan penyusunan semula masyarakat akan mendatangkan impak langsung terhadap golongan gelandangan. Kewujudan golongan gelandangan ialah hasil daripada kepincangan sistem sosial, sikap gelandangan sendiri dan kelemahan sokongan bantuan. Oleh hal yang demikian, kelemahan yang wujud dalam polisi sosial yang dapat dikesan harus diberi tindakan lanjutan yang bersesuaian.

Strategi yang holistik dalam menangani isu gelandangan merupakan strategi yang menitikberatkan pelbagai bantuan pendapatan dan sosial seperti pencen, bantuan kecacatan, skim subsidi modal dan sebagainya. Hal ini kerana orang yang kehilangan tempat tinggal akan memerlukan bantuan yang pelbagai buat jangka pendek dan jangka panjang. Justeru, dicadangkan supaya usaha khusus dipergiat untuk mengenal pasti dan memantau individu berisiko tinggi yang dikecualikan dari sistem gaji, sistem pencen, sistem faedah kerajaan dan swasta serta individu yang dikecualikan oleh pasaran buruh formal supaya orang yang memerlukan pertolongan boleh dihubungkan dengan bantuan yang bersesuaian. Usaha ini turut boleh dipertimbangkan dalam Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang diaktifkan semula. Hal ini kerana empat teras strategik MySPC yakni bantuan sosial, insurans sosial, intervensi pasaran buruh serta data dan tadbir urus adalah relevan dan berkait rapat dengan sistem perlindungan keselamatan sosial dalam mendepani isu gelandangan.

Pengintegrasian Pengetahuan, Pengalaman dan Suara Golongan Gelandangan dan Pewujudan Pusat Intervensi Gelandangan Yang Diuruskan oleh Golongan Gelandangan

Pendapat dan suara golongan gelandangan harus didengar dan diambil kira dalam hala tuju dan perancangan mengatasi isu gelandangan. Golongan gelandangan mempunyai pengetahuan dan pemahaman kritikal mengenai isu yang membelenggu mereka dan boleh memberi input konstruktif untuk merancang bentuk bantuan yang tepat, bersesuaian dan tidak tersasar. Perbincangan pelbagai hala antara golongan gelandangan, pihak kerajaan serta sektor swasta dan pertubuhan sukarela harus diadakan secara berkala.

Isu perumahan merupakan salah satu masalah besar yang dihadapi oleh golongan gelandangan. Daripada memberi penginapan percuma kepada mereka, inisiatif yang lebih baik adalah dengan mewujudkan pusat intervensi gelandangan yang diuruskan oleh gelandangan (*Homeless Centre for Homeless by Homeless*). Budaya penyertaan akan dapat dipupuk dengan mewajibkan sesetengah gelandangan yang bersesuaian bekerja di pusat intervensi gelandangan tersebut atau badan kebajikan dan pusat komuniti sebagai syarat pertukaran untuk penginapan. Selari dengan pusat intervensi gelandangan, skim penyewaan perumahan milik kerajaan dengan sewa rendah boleh ditawarkan kepada golongan gelandangan yang bekerja tetapi tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk menyewa tempat tinggal.

Majlis Inter-Agensi Gelandangan

Pembentukan Majlis Inter-agensi Gelandangan adalah penting kerana tadbir urus dan skop tanggungjawab sesetengah agensi dalam isu gelandangan masih kurang definitif dan jelas. Isu gelandangan memerlukan inisiatif berbentuk reaktif dan pendekatan holistik yang melibatkan kerjasama pelbagai pihak. Hal ini kerana operasi dan bantuan berkaitan gelandangan menyentuh aspek yang sangat luas, misalnya perumahan, kebajikan, pekerjaan, kesihatan, penguatkuasaan undang-undang dan sebagainya. Majlis Inter-agensi ini akan bertindak sebagai mata dan telinga serta penghubung rasmi pelbagai agensi dan pihak berkuasa. Ia juga akan berfungsi sebagai badan khusus yang melaksanakan pemantauan dan penyeliaan terhadap pengurusan kes gelandangan, mengkaji pendekatan baharu, menilai prestasi dan keberkesanan program bantuan serta meneliti isu gelandangan.

Penambahbaikan Pengurusan dan Pengoperasian Pusat Rujukan Intervensi

Sistem baharu untuk pengurusan dan pengoperasian pusat rujukan intervensi yang dicadangkan dalam kertas ini akan memberi penekanan yang lebih berat terhadap elemen kesihatan dan aspek sosial gelandangan. Kesihatan, kemiskinan dan peminggiran sosial adalah saling berkaitan. Kesihatan fizikal dan mental yang buruk akan melemahkan keupayaan individu untuk menangani masalah mereka dan mewujudkan kitaran negatif yang memparahkan lagi keadaan.

Bagi menangani isu ini, badan amal *Pathway* ditubuhkan di United Kingdom untuk membantu hospital kerajaan menubuhkan pasukan kesihatan yang khusus untuk golongan gelandangan. Pasukan kesihatan yang berkaitan terdiri daripada doktor pakar, jururawat, pakar perumahan serta golongan yang pernah hidup sebagai gelandangan (*Pathway*, n.d.). Selain menyediakan kemudahan kesihatan, *Pathway* juga memberi kursus dan latihan profesional kepada pasukan kesihatan supaya mereka dapat memberi bantuan yang lebih berkesan kepada golongan gelandangan dalam isu akses penginapan sementara serta penjagaan kesihatan (*Pathway*, n.d.). *Pathway* telah membantu sekurang-kurangnya 11 hospital kerajaan di United Kingdom dalam penubuhan pasukan kesihatan dan dianggarkan bahawa lebih daripada 3,500 individu gelandangan telah menggunakan bantuan perubatan tersebut setiap tahun (*Pathway*, n.d.).

Sementelahan itu, Projek Kesihatan E1 – Pusat Kesihatan Gelandangan (*Health E1 – Homeless Medical Centre*) juga diwujudkan di United Kingdom untuk memberi bantuan perubatan percuma kepada golongan gelandangan di London sekitar kawasan E1, E2 dan E3 secara singgah (*drop-in*) (*Homeless Link*, n.d.).

Pasukan Gelandangan Bersama (*Joint Homelessness Team*) pula merupakan projek perkhidmatan kesihatan mental yang bertujuan meningkatkan akses rawatan kesihatan mental dalam kalangan gelandangan. Bergantung pada keperluan mereka, golongan gelandangan akan diperuntukkan satu ahli penyelarasan dan/atau pakar psikiatri (*NHS Central and North West London*, n.d.). Golongan gelandangan juga digalakkan untuk mengambil bahagian dalam Pendekatan Program Penjagaan Tahunan untuk menilai dan memperbaiki kesihatan mental mereka (*NHS Central and North West London*, n.d.).

Seandainya elemen kesihatan adalah sepenting tiang seri, aspek sosial pula merupakan pasaknya. Komponen sosial yang harus diberi penekanan oleh

badan kerajaan dalam golongan gelandangan termasuk latihan dalam hubungan interpersonal, latihan bersiap sedia untuk bekerja, pemulihan semula kesihatan mental dan fizikal, latihan peralihan serta akses kepada perkhidmatan sosial seperti perundingan hutang, bantuan perumahan dan sebagainya. Hal ini kerana menjernihkan air di muara hendaklah mulakan di hulu. Elemen-elemen sosial inilah yang bakal menjadi penampakan kepada anasir perosak seperti masalah hutang, masalah penagihan dadah, buta huruf dan sebagainya yang akan mendatangkan isu gelandangan.

Di samping itu, strategi intervensi yang khusus harus diambil, misalnya dengan mewujudkan pusat rujukan intervensi kecemasan, pusat rujukan perkhidmatan sokongan dan pusat rujukan intervensi kekal supaya bantuan yang berpadanan dapat disalurkan mengikut keadaan golongan gelandangan. Lain daripada itu, pusat transit yang dilengkapi dengan rumah bimbingan untuk orang yang baru meninggalkan institusi seperti penjara, hospital, pusat pemulihan dadah juga wajar ditubuhkan.

Kesimpulan

Secara tuntasnya, isu gelandangan merupakan duri dalam daging kepada matlamat pembangunan negara kerana isu ini bukan sahaja akan mendatangkan kesan buruk terhadap ekonomi nasional malah juga terhadap norma sosial dan budaya masyarakat. Isu gelandangan tidak sering terjadi akibat daripada peristiwa tunggal. Sebaliknya, isu ini lebih cenderung untuk berlaku setelah rangkaian peristiwa yang saling bertaut rapat seperti masalah kesihatan, pengangguran, isu kekeluargaan, kebangkrapan dan sebagainya terjadi. Cadangan dan asas-asas pertimbangan dalam kertas ini dikemukakan untuk pertimbangan supaya akar penyebab isu gelandangan dapat diatasi secara berkesan. Inisiatif yang dicadangkan adalah selaras dengan dasar semasa serta komitmen Malaysia dalam isu ini. Penempatan golongan gelandangan di bawah Akta Orang-orang Papa 1977 (Akta 183) hanya mampu mengatasi isu ini secara sementara. Sepanjang-panjang jalan yang berliku tetap berpenghujung, seberat-berat masalah pasti ada jalan penyelesaiannya. Sesungguhnya, penglibatan semua pihak termasuk pihak persekutuan, negeri dan tempatan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta dan individu gelandangan sendiri akan menjadi wahana yang paling signifikan dalam mendepani kemelut gelandangan ini. Sekiranya sinergi ini digembleng dengan penggunaan teknologi dan sistem maklumat yang bersepadu, penggubalan akta, pewujudan Majlis Inter-agensi Gelandangan, penambahbaikan sistem bantuan sosial dan pusat intervensi serta syor-syor yang dicadangkan dalam kertas ini, nescaya dapat memacu ibu pertiwi

kita mencapai hasrat mengubah nasib gelandangan yang rebah dihambat di kaki lima nusa kita.

Rujukan

Akta Orang-orang Papa 1977 s. 2 (Mly).

Arsenault, C. (2020, Oktober 19). *How AI is helping combat homelessness in Canada during COVID-19*. World Economic Forum. Dipetik Disember 23, 2020 dari <https://www.weforum.org/agenda/2020/10/ai-artificial-intelligence-canada-homelessness-coronavirus-covid-19/>.

Borato, M., Story, C., Gaetz, S., Redman, M. (2020). *Transforming Our Response to Youth Homelessness Through Social Innovation. Five Critical Lessons from the Making the Shift Demonstration Projects*. (Laporan No. 1). Homeless Hub. Dipetik Ogos 1, 2022 dari <https://www.homelesshub.ca/sites/default/files/attachments/Making%20the%20Shift%20Dems%20Lessons%20Learned%20Final.pdf>.

Busquets, F., Fundacio, A. (2017). *Arrels Locator – Barcelona. Homeless in Europe, The Magazine of FEANTSA – The European Federation of National Organisations Working with the Homeless*, 6. Dipetik Disember 23, 2020 dari <https://www.feantsa.org/en>.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Homeless Link, (n.d.). Health E1 – Homeless Medical Centre. *Homeless England*. Dipetik Ogos 1, 2022 dari <https://homeless.org.uk/homeless-england/service/health-e1-homeless-medical-centre/>.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2020, Ogos 12). *Skop dan Pengoperasian Orang Papa di Bawah Akta Orang-orang Papa* [Powerpoint Slaid]. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Mesyuarat Sekretariat Penyelarasan bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2009). Laporan Statistik 2009, *Buku Tahunan Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Bhg. B9.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2010). Laporan Statistik 2010, *Buku Tahunan Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Bhg. B9.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2011). Laporan Statistik 2011, *Buku Tahunan Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Bhg. B9.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2012). Laporan Statistik 2012, *Buku Tahunan Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Bhg. B9.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2013). Laporan Statistik 2013, *Buku Tahunan Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Bhg. B9.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2014). Laporan Statistik 2014, *Buku Tahunan Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Bhg. B9.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2015). Laporan Statistik 2015, *Buku Tahunan Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat*. 151-155.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2016). Laporan Statistik 2016, *Buku Tahunan Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat*. 136-140.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2017). Laporan Statistik 2017, *Buku Tahunan Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat*. 132-136.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (2018). Laporan Statistik 2018, *Buku Tahunan Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat*. 142-146.

Jaggi, S. (2019, Januari 25). *The Many Forms of Homelessness*. Dipetik Disember 23, 2020 dari <https://joinpdx.org/the-many-forms-of-homelessness/>.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2019, Mac 27). *Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ke-14 2019 Jawapan Lisan Dewan Rakyat*, 2-3. Dipetik dari <https://www.parlimen.gov.my>.

Lamberink, L. (2020, Ogos 17). *A City Plagued By Homelessness Builds AI Tool To Predict Who's At Risk*. CBC. Dipetik Disember 23, 2020 dari <https://www.cbc.ca/news/canada/london/artificial-intelligence-london-1.5684788>.

Ministry of Social and Family Development, (n.d.). *PEERS Network*. MSF Ministry of Social and Family Development. Dipetik Ogos 1, 2022 dari <https://www.msf.gov.sg/policies/Helping-the-Needy-and-Vulnerable/Pages/PEERS-Network.aspx>.

NHS Central and North West London, (n.d.). *Joint Homelessness Team*. NHS Mental Health Services. Dipetik Ogos 1, 2022 dari <https://www.cnwl.nhs.uk/services/mental-health-services/adult-and-older-adult/joint-homelessness-team>.

Min, N.A.N (2019, Jun 09). Casa Villa Platform Bantu Penagih Insaf. *Sinarharian*. Dipetik Ogos 1, 2022 dari <https://www.sinarharian.com.my/article/31642/edisi/pahang/casa-villa-platform-bantu-penagih-insaf>.

Pathway, (n.d.). *What We Do*. Pathway Healthcare for Homeless People. Dipetik Ogos 1, 2022 dari <https://www.pathway.org.uk/about-us/what-we-do/>.

Thomas, G. (2017). StreetLink: Using Technology to Connect Rough Sleepers with Support Services. *Homeless in Europe, The Magazine of FEANTSA – The European Federation of National Organisations Working with the Homeless*, 4-5. Dipetik Disember 23, 2020 dari <https://www.feantsa.org/en>.

Young, S. (2017) An Interview with Lucie de Clerck, Entourage. *Homeless in Europe, The Magazine of FEANTSA – The European Federation of National Organisations Working with the Homeless*, 7. Dipetik Disember 23, 2020 dari <https://www.feantsa.org/en>[23 Disember 2020].

Zefianningsih, B.D., Wibhawa, B., Rachim, H.A (2016). Penanggulangan Gelandangan dan Pengemis oleh Panti Sosial Bina Karya “Pangudi Luhur” Bekasi, *Penelitian & Pengabdian kepada Masyarakat*, 3(1). Dipetik Disember 23, 2020 dari <http://jurnal.unpad.ac.id/prosiding/article/view/13600>.